

Perkukuh kerjasama universiti-industri

► UMS dan MASwings meterai MoU

UB 12.4.2018 A3

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) perkukuh kerjasama universiti-industri menerusi perjanjian persefahaman (MoU) dengan MASwings Sdn Bhd.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, MoU berkenaan bakal melakar sejarah bagi UMS sebagai universiti kedua selepas Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menghasilkan logo (livery) pada pesawat Maswings.

Katanya, logo berkenaan akan menggunakan konsep imej, motif dan warna korporat UMS daripada logo rasmi UMS.

"Ia memaparkan motto universiti iaitu Bertekad Cemerlang sebagai kaedah pengukuhan jenama UMS di peringkat global.

"Setakat ini, ia masih dalam proses perundingan bagi menetapkan lakaran dan dijangka akan dilaksanakan dalam tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Menandatangani MoU antara UMS dan Maswings Sdn Bhd di sini pada Rabu.



KAMARUDIN (dua kanan) bertukar dokumen dengan Aminuddin (dua kiri) pada majlis menandatangani MoU itu.

Menerusi MoU itu jelasnya, UMS dan MASwings akan merangka dan melaksanakan sinergi strategik dalam bidang mobiliti pelajar.

Selain itu, ia turut melibatkan beberapa program antaranya latihan industri (internship), publisiti dan imej korporat, latihan dan pengembangan, penyelidikan serta pelancongan.

Pada masa sama, Kamarudin berkata kerjasama itu juga melibatkan program yang berkaitan

perkhidmatan penerbangan berteraskan bidang yang bersesuaian dengan syarikat penerbangan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Maswings Sdn Bhd Aminuddin Zakaria berkata, selepas 10 tahun beroperasi, kini tiba masanya bagi Maswings berkongsi pengalaman bersama universiti seperti UMS.

Menurutnya, Maswings lebih memfokuskan kepada komuniti menerusi program tanggungjawab

sosial korporat (CSR) yang menjurus kepada pembangunan akademik.

Pihaknya juga banyak menyediakan bantuan kepada badan-badan kebajikan di Sabah dan Sarawak selaras dengan pembangunan modal insan dalam kalangan golongan yang memerlukan.

Justeru, beliau berharap aspirasi UMS dan Maswings untuk merangka dan meneraju perhubungan strategik akan melonjakkan lagi nama kedua-dua pihak.